

# Info Pintar


**Kemuncak Hari**


# AKNC

## ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR 2009

Pada Majlis Kemuncak Bulan Kualiti UiTM 2009 yang diadakan di Dewan Sri Budiman pada 9 Disember 2009 yang lalu, Perpustakaan Tun Abdul Razak sekali lagi dianugerahkan sebagai Johan Peringkat Bahagian bagi Anugerah Kualiti Naib Canselor 2009. Di samping itu, PTAR juga telah memenangi beberapa kategori anugerah yang lain bagi AKNC 2009 iaitu Kepimpinan Terbaik, Pembangunan Sumber Manusia Terbaik, Pengurusan Proses Terbaik dan Hasil Pencapaian Terbaik. Anugerah yang berprestij dan menjadi rebutan di peringkat UiTM keseluruhan ini telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor UiTM. Syabas dan tahniah kepada warga PTAR atas kejayaan yang amat membanggakan ini. Teruskan usaha, mantapkan budaya kualiti dan tingkatkan penambahbaikan berterusan, agar PTAR sentiasa kekal cemerlang dan gemilang pada masa-masa akan datang.

